



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**25 MAC 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 372 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 365,923 kes. Sebanyak dua (2) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di Pitas dan Kota Belud. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 1,292 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 343,957 orang. Manakala 458 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 389 orang di hospital, 68 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 37 orang merangkumi 32 di ICU/repurposed kritikal *care* serta lima (5) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 18 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan hari ini.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning satu (1) daerah
- Zon Jingga empat (4) daerah
- Zon Merah 22 daerah

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

### i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes harian jatuh semula dibawah paras angka 400 hari ini dengan 372 kes baharu, penurunan sebanyak 64 kes berbanding jumlah semalam.
- b. Kota Kinabalu kembali mencatat jangkitan baharu dua (2) angka dengan 96 kes berbanding 123 kelmarin. Ini bermakna tidak ada lagi daerah di Sabah yang mencatat kes harian tiga (3) angka. Beberapa daerah yang berhampiran dengan Kota Kinabalu seperti Papar, Putatan dan Tuaran mencatat angka baharu yang lebih rendah, tetapi Penampang merekodkan pertambahan enam (6) kes berbanding semalam.
- c. Peratusan kes baharu yang berpunca daripada jangkitan sporadik turun sedikit daripada 66.06% semalam kepada 58.33% hari ini tetapi angka ini masih dianggap tinggi. Kadar jangkitan sporadik di Kota Kinabalu ialah 55.2%, Penampang 64.2%, Putatan 61.9% dan Tuaran 52.2%. Ini bermakna risiko jangkitan secara sporadik masih tinggi. Orang ramai dinasihatkan agar sentiasa mematuhi SOP semasa berada di khalayak ramai, khususnya di tempat-tempat yang penuh sesak.
- d. Walaupun jumlah jangkitan baharu menurun hari ini tetapi daerah yang mencatatkan kes dua (2) angka bertambah daripada 10 daerah kelmarin kepada 11 daerah. Ini tidak termasuk Kota Kinabalu yang mencatat hanya dua (2) angka kes baharu hari ini berbanding tiga (3) angka sebelumnya. Sebanyak 13 daerah (15 daerah kelmarin) mencatat kes satu (1) angka sementara Semporna dan Kalabakan tidak mencatat sebarang kes baharu.
- e. Pergerakan turun naik kes harian agak sukar diramal. Ia banyak dipengaruhi oleh sikap serta kadar pematuhan orang ramai terhadap semua SOP yang berkuatkuasa.
- f. Dua (2) kluster ditamatkan oleh JKNS hari ini iaitu Kluster Tembok di Kota Kinabalu dan Kluster Jalan Bandau di Kota Marudu. Jumlah kluster yang masih aktif di Sabah ialah tujuh (7) kluster.

- g. Seramai 364 atau 97.85% daripada 372 pesakit baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2, tiga (3) orang dalam Kategori 3, empat (4) orang dalam Kategori 4 dan seorang dalam Kategori 5.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	88	23.66%
3	Bergejala	217	58.33%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	67	18.01%
<b>JUMLAH</b>		<b>372</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (24 Mac 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 24/03/2022	Catatan Kes 25/03/2022	Perbandingan
1	Tenom	2	12	+10
2	Penampang	47	53	+6
3	Kinabatangan	2	7	+5
4	Beaufort	13	18	+5
5	Kuala Penyu	8	11	+3
6	Ranau	4	7	+3
7	Lahad Datu	6	9	+3
8	Kota Marudu	14	16	+2
3	Pitas	4	6	+2
10	Beluran	1	3	+2
11	Tongod	2	2	Mendatar
12	Kunak	1	1	Mendatar
13	Kudat	6	6	Mendatar
14	Kalabakan	0	0	Mendatar
15	Kota Kinabalu	123	96	-27
16	Papar	44	24	-20
17	Tuaran	41	23	-18
18	Tambunan	14	4	-10
19	Keningau	9	2	-7
20	Sandakan	27	22	-5
21	Kota Belud	17	12	-5
22	Tawau	14	10	-4
23	Nabawan	4	1	-3
24	Putatan	23	21	-2
25	Sipitang	7	5	-2
26	Semporna	1	0	-1
27	Telupid	2	1	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>436</b>	<b>372</b>	<b>-64</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	20	53	0	23	96	1985
Penampang	0	14	34	0	5	53	754
Papar	0	13	10	0	1	24	652
Tuaran	0	9	12	0	2	23	639
Sandakan	0	0	22	0	0	22	300
Putatan	0	7	13	0	1	21	275
Beaufort	0	0	18	0	0	18	404
Kota Marudu	0	6	9	0	1	16	226
Kota Belud	0	3	9	0	0	12	214
Tenom	0	4	7	0	1	12	177
Kuala Penyu	0	4	2	0	5	11	180
Tawau	0	1	5	0	4	10	261
Lahad Datu	0	0	2	0	7	9	115
Ranau	0	2	1	0	4	7	152
Kinabatangan	0	2	2	0	3	7	84
Pitas	0	1	4	0	1	6	93
Kudat	0	0	2	0	4	6	124
Sipitang	0	1	3	0	1	5	179
Tambunan	0	0	3	0	1	4	183
Beluran	0	0	3	0	0	3	78
Keningau	0	0	1	0	1	2	277
Tongod	0	0	2	0	0	2	34
Telupid	0	0	0	0	1	1	52
Kunak	0	0	0	0	1	1	30
Nabawan	0	1	0	0	0	1	36
Semporna	0	0	0	0	0	0	7
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	34
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>88</b>	<b>217</b>	<b>0</b>	<b>67</b>	<b>372</b>	<b>7545</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 3,203 unit.

- Hospital 1,389 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 1,574 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 212 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 14.30%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 25 MAC 2022

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	362
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	9
<b>Jumlah</b>	<b>372</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Qatar	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	351
Bukan Malaysia	21
<b>Jumlah</b>	<b>372</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	30
Belum Menerima Vaksin (5-11)	21
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	11
Menerima 1 Dos	15
Lengkap 2 Dos	138
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	157
<b>Jumlah</b>	<b>372</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	7
1-4	23
5 -11	33
12-17	17
18-29	75
30-39	83
40-49	59
50-59	34
60-69	23
70-79	13
80-89	4
>90	1
<b>Jumlah</b>	<b>372</b>

## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 24 Mac 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 3,061 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,485 orang adalah penduduk dewasa, 61 orang adalah penduduk remaja dan 515 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 24 Mac 2022 adalah seramai 2,556,080 orang. Ini meliputi 2,132,055 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.48% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,406,234 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,089,706 orang atau 76.92% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 332,324 orang atau 77.97% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 316,528 atau 74.27% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 91,701 atau 22.29% orang telah menerima 1 dos vaksin.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Setakat hari ini, sejumlah **684,712** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS**

- 1 Sebanyak 41 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - 41 Orang : Individu Tiada Penjarakan Fizikal



- 2 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 131 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 59 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan empat (4) tangkapan dibuat iaitu tiga (3) di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002 serta satu (1) tangkapan di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002 dan Akta Imigresen 1959/63.
- 2 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 906 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun atau notis dikeluarkan pada hari ini.
  - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 361 premis perniagaan dan 579 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan oleh DBKK.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan 96 di Premis Perniagaan melibatkan 48 anggota APM.
- 4 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 125 anggota.
- 5 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 6 Sejumlah 46 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di empat (4) daerah pada hari ini.
- 7 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 196 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Beluran	98.7%
2	Semporna	98.6%
3	Sipitang	98.5%
4	Tenom	98.5%
5	Kunak	98.5%
6	Kinabatangan	98.5%
7	Kudat	98.4%
8	Ranau	98.4%
9	Keningau	98.4%
10	Sandakan	98.4%
11	Kota Marudu	98.3%
12	Beaufort	98.3%
13	Kota Belud	98.3%
14	Kota Kinabalu	98.3%
15	Papar	98.2%
16	Tawau	98.2%
17	Penampang	98.2%
18	Lahad Datu	98.1%
19	Tuaran	98.1%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**